

Khidmat bas ke Lata Kinjang mulai bulan depan

TAPAH: Perak Transit Berhad (Perak Transit) akan memulakan perkhidmatan bas ke Taman Eko-Rimba Lata Kinjang di sini pada Disember ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Chenderiang, Choong Shin Heng berkata, kawasan tarikan pelancongan itu sememangnya menjadi tumpuan pelancong tempatan dan antarabangsa dengan bilangan trafik pengunjung yang tinggi terutamanya pada hujung tahun.

“Ini merupakan kesempatan terbaik untuk mempopularkan lagi kawasan tersebut di daerah Batang Padang yang terkenal dengan keindahan semulajadi.

“Kawasan pelancongan itu juga berdekatan dengan Kampung Kinjang yang merupakan satu daripada 31 laluan bas Perak Transit,” katanya dalam sidang akhbar Laluan Baru Bas Perak Sejahtera Chenderiang-Tapah -Chenderiang di Bilik Mesyuarat Majlis Daerah Tapah (MDT) di sini, semalam.

Turut hadir, Yang Dipertua MDT, Ahmad Roslan Mohamed Nazir dan Pengurus Operasi Bas Perak Transit, Muhammad Halim Rahmat.